



KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR

ISU KEMALANGAN MEMBABITKAN HIDUPAN LIAR

13 JULAI 2016 (RABU)

-
1. Berikutan kejadian seekor tapir mati dilanggar di Kilometer 25 Jalan Kuantan-Gambang baru-baru ini, saya ingin menyeru kepada semua pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati apabila memandu di kawasan-kawasan berkenaan.
 2. Konflik manusia-hidupan liar ini boleh dielakkan sekiranya pengusaha projek pembangunan dan utiliti mempunyai tahap keprihatinan yang tinggi mengenai kepentingan hidupan liar dan konsep konservasi serta perlindungan hidupan liar. Kita perlu memahami bahawa hidupan liar bergantung sepenuhnya kepada kita untuk melindungi mereka dan hidupan liar juga mempunyai hak seperti kita untuk hidup di bumi ini.
 3. Saya juga berharap agar pihak yang bertanggungjawab bagi pembangunan dan pembinaan jalan raya atau untuk mengelakkan

pembinaan lebuhraya atau jalan raya daripada merentasi kawasan berhutan dan membina struktur lintasan hidupan liar seperti *elevated road*, *animal viaduct*, terowong atau lintasan hidupan liar pada jajaran lebuhraya atau jalan raya yang terpaksa melalui kawasan berhutan bagi mengekalkan hubungan dan jaringan hutan agar tidak terputus. Di samping itu, Jabatan PERHILITAN perlu memasang lebih banyak papan tanda lintasan hidupan liar, *transverse bar* dan *solar amber light* di lokasi yang dikenal pasti berlakunya insiden *road-kill*.

4. Berdasarkan rekod Jabatan PERHILITAN, secara umumnya terdapat sebanyak 61 jaringan jalan raya dan lebuhraya yang pernah dicatatkan berlakunya kes *road-kill*. Daripada jumlah tersebut, 5 laluan jalan raya telah dikenalpasti sebagai *hotspot road-kill* yang utama, iaitu:

5. Jalan Kuala Lipis – Gua Musang
6. Jalan Kulai - Kota Tinggi
7. Jalan Gua Musang - Kuala Krai
8. Lebuhraya Pantai Timur LPT2
9. Jalan Taiping - Selama

10. Kejadian *road-kill* di KM 25, Jalan Kuantan - Gambang yang melibatkan spesis tapir adalah merupakan yang pertama di lokasi berkenaan. Lokasi berlakunya *road-kill* di KM 25, Jalan Kuantan - Gambang adalah berhampiran hutan belukar dan terdapat kawasan hutan yang telah dibuka untuk projek perumahan. Jabatan PERHILITAN tidak pernah menjalankan sebarang bancian dan survei hidupan liar di kawasan ini memandangkan kedudukannya adalah bersebelahan hutan belukar dan kawasan pembangunan.

11. Sejak tahun 2011 hingga Jun 2016 sebanyak 1,914 ekor pelbagai spesis hidupan liar telah direkodkan mati dilanggar di jalan-jalan persekutuan, jalan negeri dan lebuhraya. Hidupan liar dalam kumpulan mamalia mencatatkan jumlah kematian yang tertinggi iaitu sebanyak 1,110 ekor yang melibatkan spesis musang, babi hutan, kucing batu dan tapir.

12. Bagi menangani insiden road kill yang membabitkan kenderaan dan hidupan liar, Jabatan PERHILITAN telah mengambil beberapa langkah proaktif berikut:
- i. Memasang 236 papan tanda lintasan hidupan liar di 133 lokasi *hotspot* yang telah dikenalpasti di seluruh Semenanjung Malaysia. Pemasangan papan tanda ini bertujuan untuk memberi peringatan kepada pemandu agar memperlahankan kenderaan mereka ketika melalui kawasan lintasan hidupan liar.
 - ii. Pemasangan sebanyak 37 set *transverse bar* dan 24 unit *solar amber light* di 4 lokasi lintasan hidupan liar di kawasan *Central Forest Spine* (CFS).
 - iii. Pembinaan *viaduct* bagi tujuan lintasan hidupan liar di 3 lokasi koridor hidupan liar iaitu di Sg. Deka, Terengganu, Sg. Yu, Pahang dan di Gerik, Perak.